

**TEKS UCAPAN DATIN SRI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA BAKTI SEMPERA ULANG TAHUN KE-15
08 JULAI 1992**

Saudari Pengerusi Majlis, Yang Amat Berbahagia Isteri Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri; Yang Berbahagia Tetamu-tetamu Jemputan; Saudari Ahli-ahli BAKTI; Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mulakan Majlis ini dengan melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya sahaja, dapat BAKTI mengaturkan Majlis ini untuk kita hadir bersama-sama. Semoga Majlis ini diberkati Allah S.W.T.

2. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, saya mengalu-alukan kehadiran para hadirin dengan mengucapkan Selamat Datang dan berbanyak terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk hadir. Saya sanjung tinggi kehadiran Yang Amat Berbahagia Isteri Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang datang dari jauh. Kehadiran Yang Amat Berbahagia-Yang Amat Berbahagia membanggakan BAKTI semua.

3. Majlis hari ini diadakan khas bagi meraikan Ulangtahun ke-15 usia BAKTI. Oleh itu saya mengambil sedikit peluang untuk mejelaskan bagaimana BAKTI boleh mengadakan Majlis kemuncak ini daripada kutipan-kutipan wang untuk dibahagi-bahagikan ke seluruh negara.

4. BAKTI mula berfungsi pada tahun 1977 dan usaha mengutip wang diadakan secara Pesta Ria yang dirasmikan oleh Almarhumah Tengku Ampuan Rahimah dari Negeri Selangor. (Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat bahagia kepada roh Almarhumah Tengku Ampuan Rahimah).

5. Sejak itu usaha mengutip derma diadakan setiap tahun melalui tayangan perdana, persembahan kebudayaan dan walkathon. Pada tahun 1980, diadakan pula Majlis Makan Malam untuk mengutip derma bagi menghantar kanak-kanak sakit jantung ke Philippines Heart Centre di Manila untuk dibedah. Ketika itulah wang kutipan meningkat hampir \$1 juta. BAKTI amat berbangga dapat mengaturkan pemergian ramai kanak-kanak Malaysia ke Manila secara berperingkat-peringkat. Kanak-kanak yang cacat, yatim dan lain-lain juga dibantu.

6. Ketika itu orang ramai dan pihak swasta mula berkenalan dengan BAKTI dan memahami tujuan-tujuannya, dan mula menghulurkan sumbangan derma atau benda, seringkali tanpa rayuan. Oleh itu, BAKTI membuat keputusan tidak menganjurkan lagi kutipan derma setiap tahun, tetapi dua tahun sekali sahaja. Ini membolehkan badan-badan amal dan sukarela yang lain mengutip derma bagi persatuan mereka

sendiri, sementara BAKTI mengatur rancangan untuk membahagi-bahagikan wang kutipannya itu.

7. BAKTI mempunyai tiga tabung sekarang, iaitu Tabung Kebajikan dan Bencana Alam, Tabung Dermasiswa yang dikelolakan oleh Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil berkenaan dan Tabung Kebajikan BAKTI di Universiti-universiti dan Institut Teknologi MARA, yang dikelolakan oleh pihak institusi-institusi tersebut.

8. Setiap permohonan dikaji dan disiasat dengan teliti oleh Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Tadbir untuk kelulusan. Derma yang melebihi \$10,000 seperti yang akan dikeluarkan hari ini, mesti mendapat kelulusan penuh semua Ahli BAKTI dalam Mesyuarat BAKTI yang diadakan enam bulan sekali. Pertolongan, nasihat atau pengesahan diminta dari agensi-agensi Kerajaan, terutamanya Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah.

9. Proses mengkaji, menyiasat dan memutuskan untuk memberikan kebenaran atau tidak mengambil masa, tetapi BAKTI berpegang teguh kepada dasar-dasar dan prosedur-prosedur pembahagian wang kutipan dan amanah penderma-penderma. Kepercayaan dan keyakinan pihak penderma disanjung tinggi kerana dengan kepercayaan dan keyakinan mereka itulah BAKTI dapat melaksanakan tujuan-tujuan asas BAKTI dan berkhidmat kepada golongan-golongan masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan. BAKTI pernah menolak beberapa permohonan dan rayuan yang tidak munasabah. Wang kutipan BAKTI tidak boleh digunakan membantu seseorang individu seumur hidup, umpamanya, atau membiayai kos peguam dalam kes rogol, atau digunakan untuk berbelanja ke luar negeri atau perkara-perkara lain yang tidak munasabah. Bagaimanapun, sebahagian besar rayuan-rayuan yang diterima oleh BAKTI adalah "genuine" dan BAKTI membantu seberapa yang boleh.

10. Dalam setahun, tiga hingga empat kali Majlis Penyampaian Derma diadakan tetapi penerima-penerima dari Wilayah dan Selangor sahaja yang hadir kerana mereka tinggal berdekatan dan mudah datang. Penerima-penerima dari negeri-negeri lain menerima sumbangan mereka melalui pos, Jabatan Kebajikan Masyarakat, atau daripada Ahli-ahli BAKTI sendiri apabila mereka pulang ke kawasan masing-masing.

11. "Banyak sumbangan diberi, banyak ganda lagi nanti Tuhan balaskan". BAKTI amat percaya kepada kata-kata nasihat ini. Oleh itu, dengan berkat taufik dan hidayah daripada Allah S.W.T., BAKTI pada petang ini dengan hati yang ikhlas dan segala rendah diri sempena dengan Ulangtahunnya ke-15, menyumbangkan sejumlah satu juta seratus dua puluh tiga ribu ringgit (\$1,123,000) kepada: Pertama, sebelas Badan Amal dan Kebajikan Isteri Pemimpin-pemimpin Negeri yang akan menerima sejumlah \$165,000 atau setiap badan mendapat \$15,000. Kedua, empat Badan Amal, Orang-orang Cacat, Orang Tua atau Anak Yatim dalam setiap Negeri yang akan menerima sejumlah \$240,000 atau setiap negeri memperolehi \$20,000 atau setiap badan mendapat \$5,000. Ketiga, Institusi Perubatan mengikut zon iaitu :-

- a) Utara (Hospital Besar Alor Setar) sebanyak \$ 60,000,
- b) Tengah (Hospital Besar Kuala Lumpur/ICTM) sebanyak \$278,000,
- c) Selatan (Hospital Besar Melaka) sebanyak \$ 60,000,
- d) Timur (Hospital Besar Kuantan) sebanyak \$ 60,000, dan
- e) Tenggara (Hospital Besar Kuching) sebanyak \$ 60,000, yang kesemuanya berjumlah \$518,000 .

Keempat Institusi Istimewa iaitu :-

- a) Tabung Projek Ikhtiar sebanyak \$150,000,
- b) Hospis Malaysia sebanyak \$ 50,000, yang kesemuanya berjumlah \$200,000.

Tabung Ikhtiar adalah untuk membangunkan golongan yang benar-benar miskin ke taraf pendapatan lebih \$250 sebulan, melalui pinjaman wang untuk menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan. Hospis Malaysia adalah tempat orang yang sakit teruk atau kronik dibela dan dijaga dengan baik. BAKTI menyumbangkan geran pelancaran bagi Persatuan ini.

12. Sesudahnya kosong Tabung-tabung BAKTI selepas ini, perlulah BAKTI berikhtiar semula untuk mencari wang bagi mengisi balik tabung-tabung itu. Oleh demikian, pada 12 Julai 1992 ini, BAKTI akan mengadakan Malam Amal "Himpunan Budi Penyeri BAKTI" untuk maksud tersebut. Kami berdoalah semoga para penderma percaya dan yakin kepada BAKTI untuk menyumbang sekali lagi kepada badan amal kami ini dengan ikhlas. Banyak yang mengata "BAKTI sudah tentu akan mendapat banyak derma. Maklumlah isteri Perdana Menteri, isteri Menteri-menteri" dan sebagainya. Tidak begitu puan- puan sesiapa yang hendak berbakti kepada masyarakat tidak bergantung semata-mata kepada status perayu. Saya berdoa agar ekonomi negara mudah-mudahan terus meningkat dan ramai lagi rakyat negara kita akan berjaya dalam perusahaan- perusahaan masing-masing. Saya berharap mereka ini sedar dan insaf bahawa mereka sudah maju dan bernasib baik sekarang dan hendaknya berbakti pula kepada golongan yang kurang bernasib baik. Sebahagian besar daripada mereka tidak mengetahui bagaimana atau kemana hendak disalurkan derma mereka. BAKTI dipilih kerana mereka tahu BAKTI akan mengagihkan sumbangan mereka ke seluruh negara dan tidak di Wilayah Persekutuan sahaja.

13. Bersyukurlah BAKTI dapat mengaturkan Majlis hari ini hasil daripada usaha gigih Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kecil dan Ahli-ahli yang mencari wang daripada acara Walkathon tahun 1990, daripada derma-derma ikhlas pihak swasta dan individu untuk puan-puan dan tuan-tuan hari ini.

14. Semoga sumbangan-sumbangan ini dapat membantu usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan puan-puan dan tuan-tuan. BAKTI amat berasa bangga dan sukacita menyampaikannya.

15. Saya menyanjung tinggi dan berterima kasih kepada :-

- a) Jawatankuasa Kecil Kebajikan, Urusetia dan Ahli-ahli yang menyumbangkan tenaga dan juadah untuk menjayakan Majlis ini.
- b) Kepada penderma-penderma yang membolehkan Majlis ini diadakan.
- c) Kepada firma Lasy yang menyumbangkan \$150,000 barang- barang permainan Lasy untuk diagihkan kepada Persatuan- persatuan Kanak-kanak Cacat dan Tadika di luar bandar. Isteri Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan membawa hadiah-hadiah Lasy ini balik untuk maksud tersebut bagi pihak BAKTI.

16. Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia-Yang Amat Berbahagia dan tetamu-tetamu Kehormat yang sudi hadir bersama BAKTI hari ini.